

Abdullah rayu bantu hapus rasuah, politik wang

Saudara saudari memiliki kuasa tersebut (memilih pemimpin) untuk memberi mesej yang jelas. Bantulah usaha saya untuk membersihkan parti daripada amalan politik wang

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Presiden
UMNO

KUALA LUMPUR 15

Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merayu kepada semua ahli UMNO di segenap peringkat supaya membantu usahanya menghapuskan rasuah dalam kerajaan serta amalan politik wang dalam parti.

Menurutnya, beliau cekal mahu membanteras politik wang dan rasuah, namun sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri beliau tidak mampu melaksanakan tugas itu seorang diri.

Abdullah juga mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa seseorang pemimpin dipilih kerana keupayaannya berkhidmat dan bukannya kemampuannya membeli sokongan.

"Saudara saudari memiliki kuasa tersebut (memilih pemimpin) untuk memberi mesej yang jelas. Bantulah usaha saya untuk mem-

bersihkan parti daripada amalan politik wang," katanya dalam ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Dalampadaitu, Abdulla turut meminta orang ramai agar tidak hanya bercakap mengenai salah laku rasuah, sebaliknya tampil mengemukakan bukti kepada pihak berkuasa kerana proses membuktikan dan mendapatkan saksi amatlah sulit.

"Tiada gunanya mendakwa bilangan yang ramai (di mahkamah) jika kita tidak mempunyai bukti untuk dapat mensabitkan yang didakwa. Bantulah saya memerangi rasuah dengan mengemukakan bukti," katanya.

Dalam ucapannya itu, Abdullah turut menegaskan bahawa

usaha memerangi rasuah tidak akan berjaya dengan hanya memberikan tumpuan kepada usaha-usaha menangkap dan mendakwa pesalah rasuah.

Sebaliknya, kata beliau, setiap orang perlu menahan diri untuk tidak terpengaruh dengan wang

ringgit dalam membuat sebarang pertimbangan,

"Masalah rasuah tidak berakhir dengan penangkapan jika benih baru masih dibenarkan tumbuh," katanya.

Abdullah turut mengetepikan tanggapan bahawa beliau mem-

perlahankan langkah menentang rasuah kerana tiada tangkapan yang dilakukan.

"Tiada tangkapan bukan bermakna saya tidak terus melakukan pemantauan. Ia memerlukan usaha berpanjangan, usaha berterusan," tegasnya.